

PELAN ANTI-RASUAH ORGANISASI

**ORGANISATIONAL ANTI-CORRUPTION
PLAN (OACP)**





**PELAN
ANTI-RASUAH
ORGANISASI**
**ORGANISATIONAL ANTI-CORRUPTION
PLAN (OACP)**
2023-2025

Kandungan

PELAN ANTI-RASUAH ORGANISASI 2023-2025



VI AMANAT KEPIMPINAN

**Pengerusi Indah Water
Konsortium SDN BHD**

Pengerusi Jawatankuasa
Lembaga Pengarah
Integriti Dan Governans
(BIGC)

X PERNYATAAN KOMITMEN

Ketua Pegawai Eksekutif

XI RINGKASAN EKSEKUTIF

XIV INDEK SINGKATAN

ISBN 978-967-10510-5-4

Hak Cipta Terpelihara
Indah Water Konsortium Sdn Bhd

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada buku ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga, sama ada secara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Unit Integriti dan Governans (IGU), Indah Water Konsortium Sdn Bhd terlebih dahulu.

Diterbitkan oleh:

Indah Water Konsortium Sdn Bhd
No. 1 Jalan Damansara, 60000 Kuala Lumpur, Malaysia.
Tel : +603 2780 1100 Fax : +603 2780 1101 Emel : headintegrity@iwk.com.my



1

1. PENGENALAN

1.1 Indah Water Konsortium (IWK) Sdn Bhd **1**

1.2 Visi, Misi dan Nilai Teras IWK **3**

1.3 Struktur Pengurusan **4**

1.4 Rangka kerja/ struktur organisasi IWK **5**

1.5 Struktur Governans, Integriti dan Anti-Rasuah di IWK **6**

1.6 Keperluan organisasi menangani rasuah dari pelbagai perspektif **7**

1.7 Pelan Anti-Rasuah Organisasi/ Organisational Anti-Corruption Plan (OACP) **8**

11

2. MEMPERKASA USAHA PENCEGAHAN RASUAH

2.1 Isu dan Cabaran **12**

2.2 Penilaian Risiko Rasuah **13**

2.3 Bidang-bidang Berisiko di IWK **13**

2.4 Keperluan Kerangka OACP IWK **14**

2.5 Analisis Data **18**

 2.5.1 Analisis Data Luaran **18**

 2.5.2 Analisis Data Dalaman **18**

2.6 Analisis Kuadran **26**

29

3. PELAN TINDAKAN DAN INISIATIF

42

RUJUKAN

35

4. TADBIR URUS

4.1 Struktur Tadbir Urus OACP IWK **36**

43

PENGHARGAAN





Amanat Kepimpinan

PENGERUSI INDAH WATER KONSORTIUM SDN BHD



PENGERUSI

YB Tuan Hj. Ahmad Johnie Hj. Zawawi

Malaysia dikenali kerana integriti dan bukannya rasuah

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Alhamdulillah, bersyukur saya ke hadrat ilahi kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, Pelan Anti-Rasuah Organisasi (OACP) IWK 2023-2025 ini dapat disediakan. Untuk makluman, Pelan ini merupakan pelan kedua yang dibangunkan oleh Indah Water Konsortium (IWK) Sdn Bhd dan merupakan kesinambungan kepada OACP IWK 2020–2022 yang telah berjaya dilaksanakan.

Selaras dengan Pelan Antirasuah Nasional (*National Anti-Corruption Plan* - NACP) untuk mencapai aspirasi supaya “Malaysia dikenali kerana integriti dan bukannya rasuah”, IWK komited untuk mewujudkan persekitaran yang sentiasa bersih dan bebas daripada

gejala rasuah dan salah guna kuasa yang boleh menjejaskan imej dan memberi persepsi buruk kepada organisasi. Penyediaan Pelan ini adalah usaha untuk memantapkan aspek tadbir urus, integriti dan anti-rasuah dalam pentadbiran IWK.



Saya percaya Pelan ini dapat diterjemahkan dalam bentuk pelaksanaan, memberi impak positif dan bakal mewujudkan satu budaya kerja yang berintegriti, anti-rasuah dan beretika dalam penyampaian perkhidmatan IWK sekaligus merealisasikan misi dan visi IWK iaitu “Menyediakan perkhidmatan cemerlang, efisien dan inovatif demi air dan alam sekitar yang selamat dan mampan” serta menjadi Syarikat Air Sisa Terunggul.




Akhir kata, saya menyeru agar semua pihak khususnya warga IWK dengan komitmen yang tinggi dan bersama-sama menjalankan amanah dalam memainkan peranan masing-masing untuk melaksanakan inisiatif-inisiatif yang terkandung dalam Pelan ini. Saya pasti bahawa masalah dan isu tetap akan wujud, namun yang penting adalah IWK sentiasa berada di landasan yang berpaksikan kepada

prinsip integriti, ketelusan, kebertanggungjawaban dan diyakini oleh semua.

Sekalung tahniah dan penghargaan kepada semua pihak atas usaha gigih dan proaktif yang disumbangkan dalam pembangunan Pelan ini.

Sekian, terima kasih.



YB Tuan Hj. Ahmad Johnie Hj. Zawawi

Pengerusi

Indah Water Konsortium Sdn Bhd

Amanat Kepimpinan

**PENGERUSI JAWATANKUASA LEMBAGA PENGARAH
INTEGRITI DAN GOVERNANS (BIGC)**



PENGERUSI BIGC

Dato' Sri Abdul Latif Abdul Kadir



PENGARAH

Rafidah Omar



PENGARAH

Sarimah Husain



PENGARAH

Mohd Haikal
Mohd Yusuff



PENGARAH

Zahariah Mohd
Sarif

Pelan Anti-Rasuah Organisasi (OACP) IWK 2023–2025 merupakan dokumen utama di peringkat organisasi yang bertujuan menangani permasalahan dan kelemahan aspek governans, integriti dan rasuah dalam organisasi.



Proses penyediaan pelan ini telah melalui sesi libat urus yang meliputi Jawatankuasa Lembaga Pengarah Integriti dan Governans (BIGC), dan hasil daripada komitmen Jawatankuasa OACP yang dilantik serta kerjasama warga IWK daripada pelbagai peringkat yang memperlihatkan persetujuan dan komitmen semua pemegang taruh dalam membangunkan Pelan ini.




BIGC merupakan jawatankuasa bebas untuk memantau pelaksanaan inisiatif-inisiatif pelan OACP, sekaligus membantu Ahli Lembaga Pengarah IWK mengawasi keseluruhan isu rasuah, penipuan, penyelewengan dan tingkah laku yang tidak beretika dalam organisasi.

Jawatankuasa ini turut bertanggungjawab dalam menetapkan hala tuju pelan tindakan yang bersesuaian untuk dilaksanakan di pelbagai peringkat jabatan, pengurusan dan pentadbiran.

Pemantauan dan penilaian bagi pencapaian dan kemajuan setiap inisiatif yang dilaksanakan adalah dipantau oleh BIGC. Justeru, warga IWK diingatkan

untuk sentiasa komited dan kekal bersama dalam merealisasikan dan menterjemah Pelan ini ke dalam bentuk pelaksanaan agar objektif dan matlamat Pelan Anti-Rasuah Organisasi IWK 2023–2025 akhirnya berjaya dicapai.

Sekian, terima kasih.



Dato' Sri Abdul Latif Abdul Kadir
Pengerusi

Jawatankuasa Lembaga Pengarah Integriti dan Governans IWK

Pernyataan Komitmen



KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Narendran Maniam

Komitmen Kita Hari Ini Menjadi Legasi Akan Datang


Pelan Anti-Rasuah Organisasi IWK 2023–2025 ini adalah berpandukan kepada Pelan Anti-Rasuah Nasional (NACP) melalui Arahan YAB Perdana Menteri No 1 Tahun 2018 Siri 2, No. 1 2019 berkaitan Pelaksanaan Pelan Anti-Rasuah Organisasi. Pelan ini merupakan kesinambungan kepada kejayaan Pelan organisasi yang terdahulu iaitu OACP IWK 2020-2022 dalam mengurus risiko-risiko dan kelemahan aspek governans, integriti dan rasuah dalam organisasi.

Pelan strategik dan komprehensif yang disediakan adalah hasil sesi perbincangan dan bengkel pembangunan yang melibatkan pelbagai jabatan, bahagian dan unit untuk membangunkan pelan komprehensif yang merangkumi semua aspek yang berkait rapat dengan pengurusan dan operasi perniagaan IWK, serta dipersetujui oleh setiap pemegang taruh.

Pelan ini memfokuskan kepada tiga bidang keutamaan iaitu Perolehan, Khidmat Pengurusan dan Pengurusan Operasi. Ia turut menggariskan empat strategi utama

bagi memantapkan tadbir urus, integriti dan anti-rasuah di IWK. Sejumlah 11 inisiatif telah dirangka untuk pelaksanaan oleh pelbagai jabatan, bahagian dan unit di IWK mengikut portfolio dan bidang kuasa masing-masing. IWK amat komited dalam memastikan pelaksanaan semua inisiatif-inisiatif yang digariskan dalam OACP IWK 2023–2025 ini dapat dilaksanakan dengan jayanya. Semoga Pelan ini dapat membantu IWK menjadi sebuah organisasi yang bebas rasuah, berintegriti dan telus dalam perkhidmatannya.

Sekian, terima kasih.



Narendran Maniam

Ketua Pegawai Eksekutif

Indah Water Konsortium Sdn Bhd

Ringkasan Eksekutif

OACP IWK 2023-2025 ini merupakan OACP kedua susulan pelancaran NACP oleh YAB Tun Dr. Mahathir bin Mohamad, Perdana Menteri Malaysia ke-7 pada 29 Januari 2019 dan Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 2019 berkaitan Pelaksanaan Pelan Anti-Rasuah Nasional. Ia merupakan dokumen utama IWK yang menggariskan tindakan menyeluruh dalam memerangi rasuah.



Bab 1 PENGENALAN

Merangkumi latar belakang IWK, visi, misi, nilai teras, struktur dan aktiviti perniagaan IWK.



Bab 2 MEMPERKASA USAHA PENCEGAHAN RASUAH

Merupakan kerangka pelaksanaan OACP iaitu pernyataan Visi dan Misi dan matlamat OACP yang jelas. Ia merangkumi analisis data dan rumusan kepada pelan tindakan, strategi dan inisiatif OACP ini. Data dalaman dan luaran seperti daripada pengawal selia (regulator) dikupas termasuklah melalui bengkel pembangunan CRM dan OACP yang dilaksanakan dengan penglibatan seluruh jabatan di IWK. Berdasarkan analisis yang dilakukan, tiga (3) bidang keutamaan telah dikenalpasti.



Bab 3 PELAN TINDAKAN DAN INISIATIF

Mengupas secara terperinci strategi dan objektif strategik bagi menangani masalah dalam bidang utama yang berisiko. Ia mengenal pasti pelaksana dan tempoh masa pelaksanaannya.



Bab 4 TADBIR URUS

Menjurus kepada mekanisme pemantauan dan penilaian OACP. Mekanisme ini penting bagi tujuan memantau kemajuan pelaksanaan inisiatif yang dibuat oleh setiap jabatan. Menghuraikan enam (6) Objektif Strategik dalam tiga bidang utama yang merangkumi 11 inisiatif yang akan dilaksanakan dalam tempoh tiga (3) tahun. Ini menunjukkan komitmen yang tinggi oleh semua jabatan bagi menjayakan OACP ini.



Bab 5 PENUTUP

Merupakan kesimpulan OACP ini.



Indek Singkatan

AADK	Agensi Anti-Dadah Kebangsaan
BIGC	Jawatankuasa Lembaga Pengarah Integriti dan Governans
BPA	Biro Pengaduan Awam
BPMP	Bahagian Pemeriksaan dan Perundingan
CA	<i>Certifying Agency</i>
CADCS	<i>Certifying Agency & Development Control Section</i>
CAS	<i>Contract Administration Section/Seksyen Pentadbiran Kontrak</i>
CEO	<i>Chief Executive Officer/Ketua Pegawai Eksekutif</i>
CISM	<i>Corporate Integrity System Malaysia/Sistem Integriti Korporat Malaysia</i>
CPD	<i>Corporate Planning Department/Jabatan Perancangan Korporat</i>
CRM	<i>Corruption Risk Management/Pengurusan Risiko Rasuah</i>
eSTK	Sistem Tapisan Keutuhan elektronik
EESS	<i>Engineering & Enviromental Services Section</i>
ERM	<i>Enterprise Risk Management</i>
FAL	<i>Financial Authority Limit/Had Kuasa Kewangan</i>
FD	<i>Finance Department/Jabatan Kewangan</i>
H&S	<i>Health & Safety Unit/Unit Kesihatan & Keselamatan Korporat</i>
HCAD	<i>Human Capital & Administration Department/Jabatan Modal Insan dan Pentadbiran</i>
HIRADC	<i>Hazard Identification, Risk Assessment and Risk Control</i>
HRO	<i>Head of Regional Operations/Ketua Pejabat Wilayah Operasi</i>
HOO	<i>Head of Operations/Ketua Pejabat Operasi</i>
IGU	Unit Integriti dan Governans
IMS	<i>Integrated Management System</i>
IT	<i>Information Technology Department/Jabatan Teknologi Maklumat</i>
IWK	Indah Water Konsortium Sdn Bhd
JPJ	Jabatan Pengangkutan Jalan
KASA	Kementerian Alam Sekitar dan Air
KPDNHEP	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna
LOC	Surat Pengesahan Siap Kerja
MACA	Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia
MOF	Kementerian Kewangan
NACP	Pelan Anti-Rasuah Nasional 2019-2023
NCR	<i>Non-Conformance Report</i>
OFI	<i>Opportunities For Improvement</i>
OSHA	<i>Occupational Safety & Health Act/Akta Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan</i>
PBT	Pihak Berkuasa Tempatan
PD	<i>Procurement Department/Jabatan Perolehan</i>
PLAMS	<i>Planning Land & Asset Management Section</i>
PMS	<i>Project Management Section</i>
SIAP	Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan
SOP	<i>Standard Operating Procedure/Prosedur Operasi Standard</i>
SPRM	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia
TIS	<i>Technology & Innovation Section</i>
TOR	Terma Rujukan CRM





BAB 1



Pengenalan

1.1 Indah Water Konsortium (IWK) Sdn Bhd

Indah Water Konsortium (IWK) Sdn Bhd, organisasi milik Menteri Kewangan Diperbadankan, merupakan organisasi pemetungan nasional yang telah diamanahkan dengan tugas untuk membangunkan dan menyelenggarakan sistem pemetungan yang moden dan efisien untuk semua rakyat Malaysia.

Pada tahun 1994, Kerajaan Persekutuan telah menganugerahkan konsesi kepada organisasi untuk mengambil alih perkhidmatan pemetungan seluruh negara, di mana sebelum ini di bawah tanggungjawab Pihak Berkuasa Tempatan.

Sejak itu, Indah Water telah mengambil alih perkhidmatan pemetungan daripada semua pihak berkuasa tempatan kecuali Sabah dan Sarawak.



”

Sistem pembetulan yang moden dan efisien adalah amat penting bagi negara demi memastikan air kumbahan dirawat sebelum disalurkan ke dalam sistem pengairan (sungai, parit dan laut). Ini akan membantu negara untuk memelihara sumber air, melindungi kesihatan awam dan mewujudkan persekitaran yang bersih dan selamat.



Pada Jun 2000, sebagai testimoni seriusnya, Kerajaan telah memastikan sistem pembetulan yang teratur dan efisien dikendalikan dan diselenggarakan dengan jayanya. Kerajaan melalui Menteri Kewangan Diperbadankan telah mengambil alih semua ekuiti dalam Indah Water daripada pemilik persendirian terdahulu.

Kini, Indah Water berada di kedudukan yang baik untuk memikul tugas penting bagi memastikan rakyat Malaysia dapat menikmati persekitaran yang bersih dan sihat menerusi sistem pembetulan yang diselenggarakan dengan baik.

Tadbir urus yang baik menyediakan asas perniagaan yang kukuh menepati visi dan misi IWK. Lembaga Pengarah IWK merupakan pengawasan strategi dan prestasi perniagaan IWK, dan menyediakan panduan mengenai bahan Faktor Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) yang memberi kesan kepada aktiviti IWK. Pasukan Pengurusan Kanan, dibimbing oleh Lembaga Pengarah dan diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif, memastikan pelaksanaan setiap strategi dan inisiatif.



1.2 Visi, Misi dan Nilai Teras IWK

VISI



**Syarikat Air
Sisa Terunggul**

MISI



Menyediakan perkhidmatan cemerlang, efisien dan inovatif demi air dan alam sekitar yang selamat dan mampan

NILAI-NILAI TERAS



INTEGRITI

Indahan sentiasa mengamalkan tadbir urus korporat dan etika yang baik dalam melunaskan tanggungjawab profesional dan memberikan perkhidmatan kepada masyarakat



WAWASAN

Indahan berwawasan dan bekerjasama sebagai satu pasukan terdiri daripada individu terlatih, inovatif dan kepakaran dalam setiap fungsi perniagaan yang ditawarkan oleh syarikat, serta komited memberikan perkhidmatan berkualiti tinggi dan beretika dalam memastikan pemuliharaan sumber air, kesejahteraan rakyat dan kelestarian alam sekitar terjamin




KEKITAAN

Semangat kekitaan mendorong Indahan supaya mengamalkan kebijaksanaan mengenai segala bidang dan skop pengurusan air sisa (perancangan, reka bentuk, pembinaan, perundangan, operasi, penyelenggaraan, latihan, perundingan, pengebilan, pengutipan dan perkhidmatan pelanggan), dalam merealisasikan visi sebagai syarikat air sisa terunggul



1.3 Struktur Pengurusan



1.4 Rangka kerja/struktur organisasi IWK

Skop kerja IWK menjadi lebih luas, sesuai dengan kemajuan teknologi serta bagi menampung keperluan populasi di samping menangani cabaran isu perubahan iklim. IWK kini menawarkan perkhidmatan dalam bidang sepertimana di bawah:






1.5 Struktur Governans, Integriti dan Anti-Rasuah di IWK

Berlandaskan Garis Panduan Pengurusan Unit Integriti & Governans yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) pada tahun 2019, IGU melaksanakan kesemua empat fungsi teras. Namun begitu, kaedah dan skala aktiviti dalam melaksanakan fungsi-fungsi ini adalah berbeza di setiap organisasi mengikut keperluan dan organisasi.



Berikut adalah carta organisasi IGU di IWK.



1.6 Keperluan organisasi menangani rasuah dari pelbagai perspektif

Dasar integriti dan tadbir urus

Kerajaan sentiasa peka dan berusaha melaksanakan pelbagai inisiatif bagi menangani isu-isu integriti, governans dan anti-rasuah di dalam negara.

Melalui Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Anti-Rasuah (JKKMAR) Bilangan 1 Tahun 2018 yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia, Tun Dr. Mahathir Bin Mohamad pada 8 Jun 2018 telah bersetuju untuk merangka, menggubal serta membangunkan satu pelan yang strategik dan komprehensif bagi menangani isu-isu integriti dan rasuah dalam negara yang mana akan menggantikan Pelan Integriti Nasional (PIN). Maka dari titik tolak tersebut lahirlah NACP 2019-2023 yang diterajui oleh Pusat Governans, Integriti dan Anti-Rasuah Nasional (GIACC).

Pelan Anti-Rasuah Nasional/*National Anti-Corruption Plan (NACP)*

NACP yang dirangka oleh Pusat Governans, Integriti & Anti-Rasuah Nasional (GIACC) telah dilancarkan dengan rasminya pada 29 Januari 2019 oleh YAB Tun Dr. Mahathir bin Mohamad, Perdana Menteri Malaysia dengan matlamat untuk mewujudkan negara bebas rasuah. Ia merupakan dasar anti-rasuah yang mencerminkan harapan tinggi rakyat untuk negara bebas rasuah yang mengamalkan ketelusan, kebertanggungjawaban dan integriti. NACP menjadi rujukan utama selain bertindak sebagai panduan bagi semua agensi Kerajaan dan entiti berkaitan dalam membangunkan Pelan Anti-Rasuah Organisasi (OACP) masing-masing. OACP ini perlu meliputi isu-isu dalaman organisasi berkaitan kelemahan integriti, tadbir urus dan anti-rasuah yang harus ditangani.

Pelan Anti-Rasuah Organisasi/*Organisational Anti-Corruption Plan (OACP)*

OACP adalah bertujuan untuk menangani permasalahan dan kelemahan governans, integriti dan Anti-Rasuah dalam organisasi. Pembangunan OACP adalah salah satu inisiatif **MANDATORI** (Rujuk: Arahan YAB PM No.1 Tahun 2018, Siri 2 No.1 Tahun 2019 – Perkara 6.1.2) di bawah:

- “Strategi 2 : Memperkukuhkan Kecekapan Penyampaian Perkhidmatan Awam”
- “Strategi 6: Memupuk Tadbir Urus Baik Dalam Entiti Korporat Di Dalam NACP.”

PIN
2004

GTP 1.0
2010

GTP 2.0
2012

NACP
2019



1.7 Pelan Anti-Rasuah Organisasi/Organisational Anti-Corruption Plan (OACP)

IWK telah melaksanakan OACP pada tahun 2020-2022. OACP 2020-2022 telah merangka dan mengenalpasti tiga (3) Bidang Utama, tiga (3) Strategi, sembilan (9) Objektif Strategik dan 37 Inisiatif.



OACP ini dipantau kemajuannya setiap bulan. Pada tahun 2022 ianya disemak semula untuk mengenal pasti penambahbaikan yang diperlukan. Seterusnya IWK melaksanakan Pengurusan Risiko Rasuah (CRM) bagi mengenalpasti risiko-risiko yang ada untuk merangka OACP 2023-2025.





BAB 2



Memperkasa Usaha Pencegahan Rasuah

Dalam usaha melaksana OACP 2023-2025 ini, pelbagai ruang lingkup yang dikaji termasuklah data-data yang dikumpulkan dari pelbagai sumber, mengenalpasti risiko-risiko yang ada, mengimbas kembali OACP terdahulu hinggalah merangka OACP baru.

OACP ini dirangka dengan merujuk kepada garis panduan yang dikeluarkan oleh Pusat Governans, Integriti dan Anti-Rasuah Nasional (GIACC) iaitu "A Guide to Developing An Anti-Corruption Plan for Organisation".




2.1 Isu dan Cabaran

Dalam membanteras gejala rasuah, dan salah guna kuasa, terdapat pelbagai isu dan cabaran yang perlu dihadapi bagi memastikan misi dan matlamat yang telah ditetapkan dapat dicapai. Kerajaan telah menggariskan strategi di bawah Pelan Anti-Rasuah Nasional (NACP) 2019-2023, yang dilancarkan pada Januari 2019 yang merupakan perancangan yang sistematik dan inklusif untuk menangani sebarang jenayah rasuah. Impak jenayah rasuah dan salah guna kuasa yang berlaku telah memberi kesan negatif kepada negara yang mana antaranya menyebabkan imej negara di mata dunia tercalar dan akhirnya menyebabkan kerencatan pertumbuhan ekonomi negara akibat kegagalan dan ketidakpercayaan pelabur untuk melabur di negara kita.

Suatu kaji selidik berkaitan persepsi rasuah telah dijalankan oleh *Transparency International* (TI) di mana TI merupakan sebuah badan bukan kerajaan (NGO) bertaraf antarabangsa. Dapatan kaji selidik tersebut yang dinamakan Indeks Persepsi Rasuah (CPI) menunjukkan, pada tahun 2021, Malaysia telah mendapat skor sebanyak 48 dan kini berada di kedudukan tangga 62 daripada 180 negara yang terlibat berbanding dengan tahun 2020, yang menerima skor sebanyak 51 poin dengan kedudukan pada tangga 57 dan tahun 2019 skor CPI sebanyak 53 poin. Ini bermakna Malaysia menunjukkan tren penurunan skor selama dua tahun berturut-turut.

Berdasarkan kepada Statistik Perbandingan Tangkapan Rasuah Mengikut Jenis Kesalahan yang dikeluarkan oleh SPRM, empat (4) kesalahan rasuah dikenalpasti seperti rajah di bawah.

Statistik Perbandingan Tangkapan Rasuah Mengikut Jenis Kesalahan (SPRM) di peringkat Nasional



Sumber: Laporan Tahunan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2021

Justeru itu, IWK yang merupakan sebuah syarikat milik kerajaan perlu meningkatkan usaha dalam memerangi gejala rasuah dan membantu meningkatkan CPI negara dengan memastikan ia dibarisi oleh pekerja yang berintegriti.

2.2 Penilaian Risiko Rasuah

IWK telah melaksanakan Penilaian Risiko Rasuah/ *Corruption Risk Analysis* (CRA) bagi mengenal pasti risiko-risiko berkaitan governans, integriti dan anti-rasuah di IWK yang mungkin menjejaskan operasi dan imej organisasi. Antara mekanisme yang digunakan bagi pelaksanaan penilaian risiko adalah:

1

Menganalisis CRM dan menyemak semula kemajuan ke atas OACP terdahulu. Analisis ini telah mengemukakan beberapa inisiatif-inisiatif tambahan yang telah dilaksanakan dalam tempoh masa OACP terdahulu.

2

Pelaksanaan CRM secara libat urus dengan setiap jabatan. Pelan CRM telah dibentangkan di hadapan Jawantankuasa Lembaga Pengarah Integriti dan Governans (BIGC) dan selanjutnya telah mendapat kelulusan BIGC.

3

Analisis input-input data dalaman dan luaran yang diterima.




2.3 Bidang-bidang Berisiko di IWK

Berdasarkan trend rasuah di Malaysia dalam tempoh lima tahun yang lalu (2013-2018), sektor awam dilihat sebagai sektor yang paling berisiko terhadap amalan rasuah. Berbanding tahap risiko 17.06% oleh sektor swasta, sektor awam mencatatkan tahap risiko yang jauh lebih tinggi iaitu 63.30%. Hal ini disebabkan oleh tadbir urus yang lemah dalam bidang perolehan, agensi penguatkuasaan undang-undang serta pentadbiran. Fenomena risiko rasuah yang tinggi di sektor awam ini turut disokong oleh statistik Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

SEKTOR YANG CENDERUNG KEPADA

RASUAH: 2013-2018

(Aduan yang diterima oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia [SPRM])



Sumber: Pelan Antirasuah Nasional 2019-2023

Justeru itu IWK, sebagai sektor swasta yang dimiliki oleh Menteri Kewangan Diperbadankan membuat penilaian bidang utama yang berisiko iaitu Perolehan, Khidmat Pengurusan dan Pengurusan Operasi.



2.4 Keperluan Kerangka OACP IWK

Kerajaan telah melancarkan NACP 2019-2023 bagi menggantikan PIN dan NKRA-Membanteras Rasuah. NACP yang telah dibangunkan adalah lebih menyeluruh dan berupaya memberi impak positif yang berkekalan.




Dalam melangkah senario masa hadapan, IWK sentiasa menyokong usaha kerajaan dalam membanteras rasuah. Bagi tujuan ini, IWK telah mengambil inisiatif selari dengan Inisiatif 6. 2. 1 Pelan Anti-Rasuah Nasional di bawah Strategi 6: Memupuk Tadbir Urus Baik Dalam Entiti Korporat iaitu “...Mewajibkan Syarikat Milik Kerajaan (SOEs) yang dikawal selia oleh badan kawal selia untuk membangunkan OACP...”. OACP IWK adalah merupakan suatu dokumen anti-rasuah di peringkat organisasi bagi menangani permasalahan dan kelemahan integriti, governans dan anti-rasuah di IWK.

Kerangka OACP IWK secara umumnya menggariskan tiga (3) misi penting yang mendukung kepada hala tuju ke arah Membentuk Warga IWK yang Berintegriti. Misi ini secara ringkasnya menekankan kepada keperluan perkhidmatan IWK yang cekap dan telus, pematuhan kepada undang-undang pencegahan rasuah serta pengukuhan integriti seluruh warga IWK.





Visi



Membentuk Warga IWK yang Berintegriti

IWK adalah sebuah syarikat konsesi milik penuh Kerajaan bagi menjalankan operasi dan menyelenggara sistem pembetungan hampir di semua negeri kecuali di Sabah dan Sarawak. Sistem pembetungan yang moden dan efisien adalah amat penting bagi negara demi memastikan air kumbahan dirawat sebelum disalurkan ke dalam sistem pengairan (sungai, parit dan laut). Ini akan membantu negara untuk memelihara sumber air, melindungi kesihatan awam dan mewujudkan persekitaran yang bersih dan selamat. Bagi membentuk warga IWK berintegriti, OACP IWK telah dirangka selaras dengan Visi dan Misi IWK itu sendiri. Visi OACP ini diharap dapat dicapai sekali gus masyarakat dapat merasai kehadiran dan perkhidmatan pembetungan yang disampaikan oleh IWK.





Misi

MEMPERKASA DAN MEMPERKUKUHKAN GOVERNANS, INTEGRITI DAN ANTI-RASUAH WARGA IWK

IWK melihat sebarang pelaksanaan tugas seharian bagi semua bidang adalah berdasarkan punca kuasa dan tertakluk kepada peraturan sedia ada yang telah dirangka dan disusun sebaiknya. Walau bagaimanapun, kekhilafan dalam penguatkuasaan peraturan sedia ada dan ketirisan dalam pelaksanaan peraturan serta arahan yang berkuatkuasa tidak boleh dipandang enteng. IWK menetapkan misi utama OACP adalah untuk memperkasa dan memperkukuhkan pematuhan terhadap integriti.

MENINGKATKAN KECEKAPAN KETELUSAN DAN AKAUNTABILITI BERASASKAN TADBIR URUS BAIK DAN MEMBUDAYAKAN AMALAN NILAI MURNI DALAM KALANGAN WARGA IWK

Nilai murni meliputi pelbagai ruang lingkup dengan pengamalan nilai murni semasa pelaksanaan tugas bagi warga IWK adalah amat dititikberatkan. Pengamalan nilai murni di organisasi perlu diperbaiki sekali gus dapat meningkatkan kecekapan dan ketelusan dalam tadbir urus. Pencapaian misi ini akan dapat menyokong visi OACP dalam melahirkan warga IWK yang berintegriti khasnya.

MEMPERKEMASKAN JATI DIRI WARGA IWK DALAM MEMASTIKAN KETELUSAN DAN INTEGRITI UNTUK MEWUJUDKAN PERSEKITARAN BEBAS RASUAH

Persekitaran bebas rasuah akan menzahirkan mutu perkhidmatan yang berkualiti dan mantap. Bagi menzahirkan misi ini, jati diri warga IWK perlu diperkemaskan di mana ianya merupakan teras dan lambang keperibadian setiap individu lantaran memberi gambaran terhadap organisasi mereka berkhidmat.

Matlamat

BAGI MEREALISASIKAN VISI DAN MISI OACP, IWK TELAH MENETAPKAN TIGA (3) MATLAMAT UTAMA IAITU:

1. Menghapuskan atau meminimalkan salah laku yang melibatkan rasuah dan integriti dalam kalangan warga IWK;
2. Penambahbaikan berterusan khidmat pengurusan organisasi dan pelestarian budaya kerja yang profesional, telus dan berintegriti; dan
3. Menyediakan hala tuju dan bimbingan kepada warga IWK supaya dapat mewujudkan suasana kerja yang mementingkan semangat berpasukan, harmoni, berintegriti, bermoral, beretika serta mempunyai minda kelas pertama.

Bagi mencapai matlamat tersebut, IWK telah menetapkan empat (4) strategi utama khususnya dalam bidang yang berisiko tinggi iaitu bidang Perolehan, Khidmat Pengurusan dan Pengurusan Operasi. Empat (4) strategi tersebut ialah:



Perolehan

Perolehan yang dilaksanakan oleh organisasi melibatkan peruntukan dan sumber kewangan yang besar. Oleh itu setiap organisasi perlu melaksanakannya dengan cekap dan teratur agar kepentingan organisasi dapat dilindungi, tiada pembaziran dan ketirisan sumber kewangan yang digunakan. Strategi utama Perolehan adalah memperkukuhkan ketelusan perolehan dengan objektif strategik meningkatkan ketelusan perolehan dan pengurangan risiko rasuah yang melibatkan pihak berkepentingan.



Khidmat Pengurusan

Strategi utama Khidmat Pengurusan adalah mempertingkatkan sistem kawalan dalaman dan kawal selia dan objektif strategiknya adalah untuk memantapkan pematuhan ke arah tadbir urus yang baik.



Pengurusan Operasi


Pengurusan Operasi adalah faktor penting yang mencerminkan IWK. Justeru itu, strategi pengurusan operasi adalah:

- i. Mengukuhkan kecekapan sistem dalaman sebagai Agensi Perakuan Pembetungan (*Certifying Agency*) bagi memproses permohonan kelulusan kerja-kerja pembetungan;
- ii. Memantapkan kecekapan, ketelusan dan integriti dalam menguruskan operasi.

Objektif strategiknya adalah:

- i. Memastikan sistem keselamatan diselenggara dengan baik;
- ii. Memastikan kerja nyahenap cemar (*desludging*) dilunaskan dengan penuh ketelitian dan berintegriti;
- iii. Memantapkan kemahiran pekerja;
- iv. Memperbaiki ketelusan proses kerja;
- v. Menambah baik dan meningkatkan perkhidmatan kepada pelanggan.

Melalui langkah yang telah ditetapkan ini, IWK berharap agar ia dapat meningkatkan kecekapan, ketelusan dan integriti IWK sekali gus melonjakkan imej organisasi di persada nasional dan antarabangsa. Hasilnya, OACP menggariskan sebuah kerangka yang memayungi strategi dengan komprehensif dalam memerangi rasuah secara menyeluruh yang merangkumi kehendak pemegang taruh IWK.





2.5 Analisis Data


